

**Kerajaan Digesa Bentuk Suruhanjaya Kebenaran Dan Rekonsiliasi
Bernama
8 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Kerajaan digesa membentuk Suruhanjaya Kebenaran dan Rekonsiliasi bagi membantu menangani isu tadbir urus yang baik menerusi penemuan kebenaran berkaitan keadaan semasa rasuah, takat amalan dan cara menghapuskannya sebagai satu cara hidup.

Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah berkata badan itu mesti mempunyai status sebuah mahkamah undang-undang dengan kuasa kehakiman yang diperlukan bagi meninggalkan kesan.

"Selepas melihat keberkesanan Suruhanjaya Kebenaran dan Rekonsiliasi di Afrika Selatan dalam menyatupadukan negara itu tanpa wujud sebarang perbuatan salah, banyak pihak di Malaysia berpendapat penubuhan badan itu sememangnya mempunyai merit," katanya dalam ucap tama pada Persidangan ke-78 Rotary International District 3300 di Petaling Jaya hari ini.

Teks ucap tama beliau diberi kepada Bernama di sini.

Tengku Razaleigh juga berkata suruhanjaya itu mesti berupaya memberi pengampunan kepada mereka yang mengamalkan rasuah serta menyalah guna kedudukan ketika berkuasa bagi mengumpul kekayaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=715000>